



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 4 APRIL 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	JACKFRUIT TO ENTER CHINA MARKET, NEWS, GUANG MING DAILY -A8 CHAN: CHINA-MALAYSIA SIGNS 3 MOU FOR AGRICULTURE DEVELOPMENT BRING SIGNIFICANCE, NATION, KWONG WAH YIT POH -A14b CHAN FOONG HIN: LOCAL JACKFRUIT TO BE EXPORTED TO CHINA IN THE FORM OF WHOLE FRUIT, NATION, SIN CHEW DAILY -11	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
4.	FAMA RUJUK ITBM CETAK LABEL BAHASA ASING PADA PRODUK, NASIONAL, BH -22	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
5. 6.	KEMPEN JOM MENANG DUIT RAYA AGROBANK, EKONOMI, UM -37 AGROBANK LANCAR KEMPEN JOM MENANG DUIT RAYA, NIAGA, KOSMO -38	AGROBANK
7. 8.	TELUR AYAM MELAMBAK DI YONG PENG, NEGARA, KOSMO -16 SAYUR MURAH DI MELAKA, PERMINTAAN PULA MEROSOT, DALAM NEGERI, UM -29	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Jackfruit to enter China market		
MediaTitle	Guang Ming Daily		
Date	04 Apr 2023	Color	Full Color
Section	News	Circulation	49,712
Page No	A8	Readership	149,136
Language	Chinese	ArticleSize	264 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,976
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,928



陳泓縑：全果方式運輸 菠蘿蜜進軍中國

（吉隆坡3日讯）农业及粮食安全部副部长陈泓縑披露，配合我国与中国签署的《马来西亚菠萝蜜输华植物检疫要求议定书》，菠萝蜜将是继大马榴槿后，进军中国市场的本地水果。

他发文告提到，按议定书，本地菠萝蜜将以全果方式输华，以最大程度保障果实口感与鲜度。

确保运输符规格

他说，该部也会负责监督菠萝蜜全果的包装、加工、储藏和运输程序，以确保输华过程符合《国际贸易中木质包装材料管理准则》（ISPM15）等国际规格。

首相拿督斯里安华访华期间，马中签署3份谅解备忘录，在3份备忘录当中，农业领域占了2个，对农粮部意义甚大。

他感谢外交部长拿督斯里赞比里，代表农粮部分别与中国农业农村部部长唐仁健签署《关于输华水产质量和卫生要求议定书》，及中国海关总署署长俞建华签署《马来西亚菠萝蜜输华植物检疫要求议定书》。

强化水产养殖业

他表示，强化水产养殖工业作为农粮部的发展目标之一，在经友好协商下获中方配合签署备忘录，以符合世界动物卫生组织（WOAH）和中方规定的高规格卫生标准向华出口马来西亚水产品，将能促使本地水产养殖工业大力发展。

“我相信这个成果也能协助实现，农粮部长莫哈末沙布早在今年年初设下目标，即放眼把海产与水产养殖比例从80:20，提高到60:40的比例。”（TKM）

Headline	Chan : China-Malaysia signs 3 MoU for agriculture development bring significance		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	04 Apr 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A14b	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	95 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,065
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,195



(吉隆坡 3 日讯) 首相拿督斯里安华与中国总理李强在周六 (1 日) 当天举行双边会谈后, 共同签署 3 份谅解备忘录, 农业领域占了其中两个, 对农业及粮食安全部门而言, 意义甚大。

农业与粮食安全部副部长陈泓缣表示, 强化水产养殖工业作为农业及粮食安全部门的发展目标之一, 在经过友好协商下获得中方配合签署备忘录, 以符合世界动物卫生组织 (WOAH) 和中方规定的高规格卫生标准向华出口马来西亚水产品, 将能促使本地水产养殖工业大力发展。

“我相信这个成果也能协助实现, 部长莫哈末沙布早在今年年初设下目标, 即放眼把海产与水产养殖比例从 80:20, 提升到 60:40 的比例。”

此外, 配合《马来西亚菠萝蜜输华植物检疫要求议定书》, 菠萝蜜将会是继大马榴莲之后进攻中国市场的本地水果。

按照议定书, 本地菠萝蜜将以全果方式输华, 以最大程度保障果实口感与鲜度。

“农业与粮食安全部也会负责监督菠萝蜜全果的包装、加工、储藏和运输程序, 以确保输华过程符合《国际贸易中木质包装材料管理准则》(ISPM15) 等国际规格。”

陈泓缣周一在文告中也特别感谢外交部长拿督斯里赞比里, 代表农业及粮食安全部门分别与中国农业农村部部长唐仁健签署《关于输华水产质量和卫生要求议定书》, 及中国海关总署署长俞建华签署《马来西亚菠萝蜜输华植物检疫要求议定书》。

“我再次恭贺首相安华访华行程所取得的成就, 我也呼吁本地果农与水产养殖业者积极配合这次的访华硕果, 与团结政府共同发展本地农业。” #

陈泓缣：中马签署 3 份谅解备忘录 占 2 农业领域意义甚大

Headline	Chan Foong Hin: Local jackfruit to be exported to China in the form of whole fruit		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	04 Apr 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	11	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	125 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,765
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,295



陳泓縑：全果方式出口 菠蘿蜜攻中國市場

（吉隆坡3日讯）农业及粮食安全部副部长陈泓縑指出，配合我国与中国签署的《马来西亚菠萝蜜输华植物检疫要求议定书》，菠萝蜜将会是继大马榴梿之后，进攻中国市场的本地水果。

他发文告说，按照议定书，本地菠萝蜜将以全果方式输华，以最大程度保障果实口感与鲜度。

农粮部也会负责监督菠萝蜜全果的包装、加工、储藏和运输程序，以确保输华过程符合《国际贸易中木质包装材料管理准则》（ISPM15）等国际规格。

陈泓縑说，首相拿督斯里安华访华期间，马中签署三份谅解备忘录，进一步扩大两国之间的经贸和农业等双边合作关系。在三份备忘录当中，农业领域占了两个，对农粮部意义甚大。

强化水产养殖工业

他感谢外交部长拿督斯里赞比里，代表农粮部分别与中国农业农村部长唐仁健签署《关于输华水产质量和卫生要求议定书》，及中国海关总署署长俞建

华签署《马来西亚菠萝蜜输华植物检疫要求议定书》。

他说，强化水产养殖工业作为农粮部的发展目标之一，在经过友好协商下获得中方配合签署备忘录，以符合世界动物卫生组织（WOAH）和中方规定的高规格卫生标准向华出口马来西亚水产品，将能促使本地水产养殖工业大力发展。

“我相信这个成果也能协助实现，农粮部长莫哈末沙布早在今年年初立下目标，即放眼把海产与水产养殖比例从80:20，提高到60:40的比例。”

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/4/2023	BERITA HARIAN	NASIONAL	22

FAMA rujuk ITBM cetak label bahasa asing pada produk

Agensi turut dapat kerjasama daripada pengimport

Oleh Mohd Roji Kawi
mdroji@bh.com.my

Kuching: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) merujuk kepada Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) sebelum menyediakan draf label bahasa asing pada produk agromakanan keluaran perusahaan kecil dan sederhana (PKS) khususnya jenama Agromas.

Pegawai Cawangan Komunikasi Korporat FAMA, Mohd Syakir Adnan berkata, selain itu FAMA turut mendapat kerjasama daripada pihak pengimport, antara-

nya di China dan Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Ikut perundangan

Katanya, selepas terjemahan itu diperakui oleh ITBM, barulah FAMA mencetak label bahasa asing itu yang diperakukan ke atas produk yang akan dieksport.

“Cetakan dalam bahasa asing disediakan bagi membolehkan produk agromakanan itu mampu untuk menerokai pasaran seterusnya bersaing dengan jenama lain selain memenuhi kehendak perundangan makanan di negara-negara berkenaan.

“Produk agromakanan khususnya jenama Agromas yang dipasarkan mempunyai label dwi bahasa iaitu Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dan bagi tujuan eksport ke pasaran antarabangsa terdapat juga label yang akan dicetak mengikut bahasa negara bagi pasaran yang diterokai seperti negara China dan

UAE,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam maklumbalas terhadap laporan akhbar ini mengenai kesilapan terjemahan Bahasa Melayu ke Bahasa Arab pada produk agromakanan yang dihasilkan usahawan PKS.

Kesilapan itu yang dikesan pensyarah kanan Bahasa Arab, Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya (UM), Dr Mohamad Hussin, yang menjalankan penelitian berhubung kesilapan terjemahan pada beberapa produk agromakanan.

Katanya, kesilapan terjemahan itu dikhuatiri mengganggu usaha PKS untuk meneroka pasaran luar negara khususnya.

Malah, katanya, pelbagai versi terjemahan dengan sebahagiannya tidak tepat dengan kaedah bahasa Arab boleh menjejaskan imej Malaysia sebagai hab produk makanan halal, khususnya dalam kalangan negara-negara Arab.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/4/2023	UTUSAN MALAYSIA	EKONOMI	37

Kempen Jom Menang Duit Raya Agrobank

PETALING JAYA: Agrobank melancarkan Kempen Jom Menang Duit Raya bersempena Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri yang memberi peluang kepada pelanggan untuk memenangi hadiah wang tunai dengan jumlah keseluruhan RM50,000.

Presiden dan Ketua Pengawai Eksekutifnya, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, kempen yang mengetengahkan konsep 'Biaya, Belanja dan Berlindung' dengan aktiviti cabutan bertuah melalui produk takaful, pembayaran dalam talian dan pembiayaan peribadi bank.

"Kempen yang berlangsung sehingga 10 Jun 2023 ini terbuka kepada semua pelanggan Agrobank yang baharu mahupun yang sedia ada.

"Sasaran kempen ini adalah untuk meringankan beban pembiayaan pelanggan dalam persiapan perayaan serta melindungi pelanggan kami dengan produk-produk takaful yang ditawarkan," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Tambahnya, di bawah kempen tersebut, pelanggan Agrobank berpeluang untuk menyertai cabutan bertuah dengan permohonan produk pembiayaan peribadi AgroCash-i, membuat transaksi secara atas talian melalui QR PAY, FPX, JOMPAY, DuitNow dan kad debit.

Sementara itu, pelanggan juga boleh melanggan produk-produk takaful kemalangan diri seperti Takaful Kasih Plus, Agro Nurani dan Agro Madani.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/4/2023	KOSMO	NIAGA	38

Agrobank lancar kempen Jom Menang Duit Raya

PETALING JAYA – Sempena Ramadan dan Aidilfitri 2023, Agrobank melancarkan kempen Jom Menang Duit Raya yang mengetengahkan konsep 'Biaya, Belanja & Berlindung' dengan aktiviti cabutan bertuah melalui produk takaful, pembayaran dalam talian dan pembiayaan peribadi.

Pelanggan Agrobank berpeluang menyertai cabutan bertuah melalui permohonan produk Pembiayaan Peribadi AgroCash-i, membuat transaksi online melalui QR PAY, FPX, JOMPAY, DuitNow dan kad debit, serta melanggan produk takaful kemalangan diri seperti Takaful Kasih Plus, Agro Nurani dan Agro Madani.

Seramai 50 pelanggan bertuah bakal memenangi hadiah wang tunai bernilai RM1,000, yang membawa jumlah keseluruhan hadiah berjumlah RM50,000 untuk dimenangi.

Selain itu, 1,000 pelanggan yang memohon pembiayaan peribadi AgroCash-I akan membawa pulang payung eksklusif Agrobank bagi setiap permohonan yang diluluskan.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Husin berkata, kempen sehingga 10 Jun 2023 itu terbuka kepada semua pelanggan Agrobank.



TENGGU AHMAD BADLI SHAH

"Sasaran kempen ini adalah untuk meringankan beban pembiayaan pelanggan dalam persiapan perayaan serta untuk melindungi pelanggan kami dengan produk-produk takaful yang ditawarkan," katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Tengku Ahmad Badli Shah menambah, pihaknya juga telah meluluskan surat tawaran pembiayaan berjumlah RM500,000 kepada peniaga kecil bersempena dengan Kempen Bazaar Ramadan 2023 yang dilancarkan baru-baru ini.

Kempen tersebut menyediakan dana pembiayaan sehingga RM75,000 kepada peniaga mikro Agrobank yang memerlukan bantuan kewangan dan berlangsung sehingga 16 April 2023.

Penduduk tidak lagi bimbang kehabisan stok, boleh buat persiapan sambut raya

Telur ayam melambak di Yong Peng

Oleh **ADNAN IBRAHIM**

BATU PAHAT – Orang ramai khususnya penduduk di sekitar pekan Yong Peng di sini, serta kawasan berdekatan tidak lagi berhadapan kekurangan telur ayam berikutan lambakan bekalan itu di kedai runcit serta pasar raya.

Ada pengguna yang sanggup datang dari jauh semata-mata untuk mendapatkan bekalan telur ayam di pekan tersebut berikutan harga yang agak murah berbanding sebelum ini.

Penduduk Tongkang Pecah, Nurul Syafikah Abu Talib, 27, berkata, lambakan telur ayam memberi peluang kepadanya untuk memborong lebih banyak bahan mentah itu sebagai bekalan awal membuat persiapan sambutan hari raya nanti.

Katanya, telur ayam yang dijual mengikut harga kawalan iaitu RM13.20 untuk sepapan (30 biji) gred A juga membolehkan mereka membuat kuih dan bis-



NURUL SYAFIKAH (tengah) dan suaminya, **Khairul Azhar Aziz** (kanan) ketika ditemui membeli barangan keperluan di sebuah pasar raya di Yong Peng, Batu Pahat semalam.

kut raya sendiri.

"Kalau nak beli kuih raya yang sudah siap, harganya agak mahal berbanding sekiranya kita buat sendiri yang boleh dipelbagaikan mengikut keinginan.

"Syukur bekalan telur yang sebelum ini kurang sudah pulih semula," katanya ketika ditemui di sebuah pasar raya di Yong Peng di sini semalam.

Seorang perniaga yang hanya mahu dikenali sebagai Ali, 45, memberitahu, bekalan telur ayam yang dijual di Yong Peng adalah daripada beberapa perusahaan berdekatan dengan pekan tersebut.

Katanya, keadaan tersebut membolehkan mereka tidak pernah terputus bekalan, malah ada kalanya stok berlebih-lebihan ekoran kekurangan permintaan.

"Alhamdulillah untuk sambutan hari raya nanti, bekalan telur ayam sememangnya mencukupi di Yong Peng dan tidak perlu bimbang kehabisan stok," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/4/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29



ZAKARIA Ismail menyusun barangan jualanannya di gerainya di Pasar Besar MBMB di Bachang, Melaka. - UTUSAN/MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI

Sayur murah di Melaka, permintaan pula merosot

Oleh MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI
utusannews@mediamula.com.my

MELAKA: Bekalan yang stabil di pasaran serta permintaan yang kurang daripada pembeli menyebabkan harga sayur-sayuran di Melaka menjadi semakin murah.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di Pasar Besar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Bachang di sini mendapati, perbezaan harga sayur antara peniaga sekitar 50 sen hingga RM1 sekilogram.

Peniaga, Roslan Hassan, 56, berkata, kejatuhan ketara harga sayur ketika ini membolehkan para peniaga menjual pada harga yang murah dan berpatutan.

Katanya, harga tomato turun kepada RM5 sekilogram berbanding RM12 sekilogram sebelum ini.

"Dulu timun dijual RM5 sekilogram tetapi sekarang hanya RM2 sekilogram untuk gred A. Bagaimanapun, ada dua sayur yang mengalami kenaikan harga iaitu kobis bunga dan brokoli, masing-masing berharga RM10 dan RM9 sekilogram.

"Namun, disebalik harga yang murah, permintaan daripada pembeli pula mero-

sot. Kuasa beli mereka terhad kerana telah berbelanja untuk persiapan persekolahan, sambutan Aidilfitri dan penutupan kedai-kedai makan sepanjang bulan puasa.

"Justeru, saya perlu mengenali pasti sayur yang mendapat permintaan tinggi bagi mengelakkan kerugian. Sayur tidak boleh disimpan terlalu lama kerana mudah rosak dan tidak lagi segar," katanya ketika ditemui.

Sementara itu, seorang lagi peniaga, Zakaria Ismail, 33, berkata, beberapa barang mentah di kedainya tidak mengalami kenaikan harga sejak awal Ramadan.

Menurutnya, kenaikan yang berlaku sebelum Ramadan menyebabkan harga barang sedikit stabil.

"Contohnya bawang siam saya jual RM16 sekilogram berbanding RM20 sekilogram sebelum ini. Harga ini sebenarnya masih mahal tetapi berlaku penurunan secara perlahan.

"Harga ubi kentang pula naik sedikit, namun tidak ketara iaitu kira-kira RM2 seguni. Walaupun margin untung merosot sehingga 20 sen sekilogram, saya tetap kekalkan harga lama demi menghargai pelanggan," ujarnya.